

Mobile Security for Symbian

1. Pemasangan dan Pengaktifan

Versi Sebelum Ini Jika anda telah memasang produk anti virus dalam peranti mudah alih anda sebelum ini, anda mesti nyahpasangkannya sebelum anda memasang aplikasi ini.

Pemasangan **Untuk memasang:**


- Muat turun fail pemasangan kepada komputer anda dan gerakkannya kepada peranti,
- Muat turun fail pemasangan kepada komputer anda dan pasang produk menggunakan perisian penyegerakan pada komputer anda, atau
- Muat turun pemasangan terus ke peranti anda. Pemasangan bermula secara automatik.

Anda boleh muat turun fail pemasangan daripada <http://mobile.f-secure.com>.


Selepas pemasangan, mulakan peranti semula jika anda digesa berbuat demikian. Apabila pemasangan sudah lengkap, anda perlu mengaktifkan produk. Produk ini tidak akan melindungi peralatan anda jika anda belum mengaktifkannya.

Pengaktifan **Untuk memulakan pengaktifan:**

1. Buka aplikasi. Skrin Selamat Datang akan terpapar.
2. Tekan **OK** untuk bersambung.
3. Tekan **Ya** pada dialog pengaktifan dan mula memuat turun kemas kini. Aplikasi menyambung kepada perkhidmatan kemas kini, mengaktifkan tempoh percubaan dan memuat turun pangkalan data definisi virus terbaru.

 *Produk mungkin akan menggunakan SMS semasa pengaktifan. Dalam kes ini, mesej pengaktifan SMS akan mendaftar nombor telefon anda dan anda akan dical pada kadar mesej teks yang standard.*

Selepas menamatkan pengaktifan, imbas peranti anda untuk virus bagi memastikan peranti anda adalah bersih. Lihat bahagian [Mengimbas untuk Virus](#) di bawah.

 *Anda patut mengimbas peranti anda ketika aplikasi meminta anda untuk berbuat demikian.*

2. Langganan

Untuk dilindungi sepenuhnya selepas tempoh percubaan, anda mesti melanggan kepada perkhidmatan produk. Oleh itu, disyorkan kepada anda untuk membeli masa perkhidmatan tambahan sebelum tarikh luput. Aplikasi yang telah luput akan memaparkan statistik mengimbas dan firewall tetapi tidak mengimbas sebarang fail atau menyekat sebarang trafik rangkaian.

Aplikasi ini menyokong beberapa kaedah pembelian bergantung pada saluran pengedaran. Tekan **Beli** untuk melihat semua kaedah pembelian yang tersedia. Kebanyakan kaedah pembelian yang biasa adalah:

1. Langganan perkhidmatan spesifik-operator
2. F-Secure eStore
3. Penjual semula tempatan anda
4. Pembayaran SMS

3. Mengimbas untuk Virus

Aplikasi ini berfungsi di latar belakang dan mengimbas fail anda secara automatik.

1. Jika virus ditemui semasa imbasan masa nyata, satu mesej akan dipaparkan. Tekan **Ya** untuk melihat fail yang fail (fail-fail) terjangkit, atau **Tidak** untuk menutup dialog ini.
2. Pandangan Jangkitan mengandungi senarai fail terjangkit pada peranti dan keadaan fail tersebut (sama ada dikuarantin atau dibebaskan).
3. Untuk melihat lebih perincian tentang fail terjangkit, pilih fail dan tekan **Pilihan > Butiran**.

Anda juga boleh mengimbas keseluruhan peranti bagi virus secara manual pada bila-bila masa anda mahu. Untuk mulakan imbasan secara manual, pilih **Imbas semua** daripada menu aplikasi.

Memproses Fail Terjangkit

Untuk memproses fail terjangkit:

1. Dalam pandangan Jangkitan, pilih fail terjangkit untuk diproses.
2. Tekan **Pilihan > Proses dipilih**.
3. Daripada menu **Pilih tindakan**, pilih tindakan yang diinginkan, dan tekan **OK**.

Anda boleh memproses fail terjangkit dengan salah satu cara berikut:

- **Kuarantin** - kuarantin fail terjangkit. Fail terkuarantin adalah terkunci dan tidak boleh mengancam peranti anda apabila F-Secure Mobile Security telah dihidupkan.
- **Padam** - padam fail terjangkit. Ini ialah pilihan yang digalakkan. Fail akan disingkirkan selengkapnya daripada peranti anda.
- **Bebas** - lepaskan fail terkuarantin. Jika anda melepaskan satu fail, ia tidak akan dikuncikan lagi. Anda mengaksesnya pada risiko sendiri.

4. Mengelakkan Trafik Rangkaian yang Tidak Dibenarkan

Firewall dalam aplikasi ini berfungsi secara senyap dalam latar belakang. Ia memantau maklumat rangkaian serta Internet masuk dan keluar, dan melindungi anda daripada percubaan gangguan. Tahap firewall dipraktikkan membolehkan anda menukar paras perlindungan mengikut keperluan anda dengan segera.



Komponen firewall mungkin akan hilang daripada aplikasi anda, bergantung pada peranti yang anda gunakan.

Memilih Paras Firewall

Untuk memilih paras firewall:

1. Dalam sebarang pandangan, tekan **Pilihan > Tetapan**.
2. Pilih **Perlindungan firewall**.
3. Tekan **Pilihan > Ubah** untuk memilih paras firewall yang diinginkan:
 - **Benarkan Semua** - benarkan semua trafik rangkaian.
 - **Biasa** - membolehkan semua sambungan keluar dan menyekat semua trafik masuk.
 - **Tinggi** - membolehkan aplikasi yang biasa digunakan dan menyekat semua trafik masuk.
 - **Nafikan Semua** - menyekat semua trafik rangkaian.
 - **Tersuai** - membolehkan trafik rangkaian berdasarkan peraturan tersuai anda.
4. Tekan **OK**.

5. Memastikan Produk Terkemas Kini

Kemas kini Automatik

Aplikasi termasuklah perkhidmatan kemas kini automatik, yang mana bermaksud pangkalan data definisi virus dalam aplikasi dikemas kini secara tetap. Hanya pangkalan data definisi virus terkemas kini yang akan melindungi peranti anda daripada virus terkini. Kemas kini automatik adalah dalam penggunaan selepas anda mengaktifkan produk.

Aplikasi memerlukan sambungan Internet yang aktif untuk kemas kini. Aplikasi ini memeriksa secara berkala apabila kali terakhir pangkalan data definisi virus dikemas kini dan memuat turun kemas kini baru jika perlu.

Kemas Kini Manual

Untuk mengemas kini aplikasi secara manual:

1. Dalam sebarang pandangan, tekan **Pilihan > Kemaskini**.
Aplikasi memuat turun pangkalan data definisi virus terkini dan menggunakannya dengan serta-merta.
2. Apabila kemas kini telah siap, tekan **Ya** untuk mengimbas peranti anda untuk virus jika anda digesa untuk berbuat demikian. Lihat bahagian **Mengimbas untuk Virus** di atas.

Kemas kini Versi

Apabila versi aplikasi baru tersedia, kemas kini akan meminta anda muat turun versi terbaru tersebut. Aplikasi akan mulakan semula secara automatik apabila kemas kini telah lengkap.

Sokongan Teknikal

Jika anda mempunyai soalan tentang aplikasi yang tidak dicakupi dalam panduan atau perkhidmatan dalam talian, anda boleh terus menghubungi pengedar tempatan F-Secure atau F-Secure Corporation.

Jika anda mempunyai soalan mengenai aplikasi yang tidak dicakupi dalam panduan, lihat soalan yang kerap ditanya di <http://mobile.f-secure.com>.

PENAFIAN

"F-Secure" dan simbol segitiga merupakan tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation dan nama produk serta simbol/logo F-Secure adalah sama ada tanda niaga atau tanda niaga berdaftar F-Secure Corporation. Semua nama produk yang dirujuk di sini adalah tanda niaga atau tanda niaga berdaftar untuk syarikat masing-masing. F-Secure Corporation menafikan kepentingan hak milik dalam tanda-tanda dan nama-nama lain. Walaupun F-Secure Corporation berusaha untuk memastikan ketepatan maklumat ini, F-Secure Corporation tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan atau kesingkiran fakta yang terkandung di sini. F-Secure Corporation memelihara hak untuk mengubahsuai spesifikasi ternyata dalam dokumen ini tanpa notis awal.

Syarikat, nama dan data digunakan dalam contoh di sini adalah rekaan kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Tiada bahagian dokumen ini boleh dihasilkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik atau mekanikal, untuk sebarang tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada F-Secure Corporation.

Produk ini mungkin dicakupi oleh satu atau lebih paten F-Secure, termasuk yang di bawah:
GB2353372, GB2366691, GB2366692, GB2366693, GB2367933, GB2368233, GB2374260

Hakcipta © 2008 F-Secure Corporation. Semua hak terpelihara

